UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Fakulti Perubatan

# JENIS SOALAN-SOALAN LAZIM
# SANGKUTAN KLINIKAL DAN SUB KEPAKARAN

| SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|
| 1. Bagaimanakah cara untuk memohon bagi mengikuti latihan sangkutan klinikal dan sub kepakaran? | Permohonan boleh dibuat dengan :<br>1. menghantar borang permohonan yang lengkap<br>2. jadual perancangan kursus (nyatakan jumlah hari di tempat latihan & UiTM)<br>3. Surat tawaran menjalani latihan (jika ada)<br>4. Lampiran berkaitan (jika ada) |
| 2. Bagaimana cara untuk mendapatkan borang permohonan bagi mengikuti latihan sangkutan klinikal atau sub kepakaran? | Borang permohonan boleh dimuat turun di folder borang sub kepakaran atau di pautan https://medicine.uitm.edu.my/index.php/professional-training |
| 3. Bilakah tempoh masa yang ditetapkan untuk menghantar permohonan? | Permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada Bahagian Pascasiswazah selewat- lewatnya 3 bulan sebelum menjalani latihan di dalam negara dan 6 bulan sebelum menjalani latihan di luar negara. |
| 4. Bolehkah saya menghantar permohonan terus kepada pihak Bahagian Kemajuan Kerjaya? | Tidak boleh. Permohonan yang lengkap perlu dimajukan ke Bahagian Pascasiswazah & Latihan Ikhtisas Fakulti Perubatan dan perlu mendapatkan kelulusan atau sokongan dalam mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). |
| 5. Bagaimanakah permohonan menjalani latihan sangkutan klinikal atau sub kepakaran saya ini diproses? | Permohonan bagi tempoh kurang dari 3 bulan perlu mendapatkan kelulusan di peringkat fakulti sahaja manakala permohonan menjalani latihan sub kepakaran bagi tempoh melebihi 3 bulan perlu mendapatkan sokongan di peringkat fakulti dan kelulusan akan diberi di peringkat induk iaitu Bahagian Kemajuan Kerjaya. |

| | |
|---|---|
| 6. Bolehkah saya menjalani latihan sangkutan klinikal atau sub kepakaran sebelum mendapat kelulusan di peringkat fakulti atau universiti? | Tidak boleh. Tindakan tatatertib akan dikenakan bagi calon yang menjalani latihan tanpa kelulusan. |
| 7. Bagaimana jika saya ingin membuat perlanjutan bagi tempoh latihan sangkutan klinikal atau sub kepakaran? | Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan surat memohon perlanjutan kepada Timbalan Dekan Pascasiswazah & Latihan Ikhtisas melalui Ketua Jabatan. Permohonan perlu mendapat kelulusan daripada mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia dan akan dimajukan kepada pihak Bahagian Kemajuan Kerjaya. |
| 8. Apakah proses- proses yang dilalui untuk mendapatkan kelulusan permohonan? | Sila rujuk carta aliran di **Lampiran** 1 bagi proses- proses yang dilalui secara terperinci. |
| 9. Siapakah pegawai yang boleh dihubungi bagi urusan permohonan latihan sangkutan klinikal dan sub kepakaran? | Nur Syafrina Binti Ab. Rahman<br>Pegawai Eksekutif<br>Emel: nursyafrina@uitm.edu.my<br>Tel : 03- 61267491 |

## CARTA ALIRAN PERMOHONAN SUB KEPAKARAN / LATIHAN PROFESIONAL/ INDUSTRI BKK

| PROSES | CATATAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|
| Isi borang permohonan lengkap<br>↓ | Pemohon menyertakan dokumen-dokumen berikut:<br><br>a. Borang permohonan<br>b. Profail syarikat<br>c. Rancangan pembelajaran/ jadual perancangan kursus | Staff/ pemohon |
| Terima borang permohonan lengkap<br>- Fakulti bawa untuk sokongan Mesyuarat PPSM Fakulti<br>↓<br>Surat permohonan penempatan latihan ditandatangani oleh Dekan<br>↓<br>Surat tawaran/ surat penerimaan tempat beserta penyelia yang bertanggungjawab untuk tempoh latihan<br>↓ | Permohonan hendaklah dihantar sekurang-kurangnya<br><br>• 3 bulan sebelum menjalani latihan dalam negara<br>• 6 bulan sebelum menjalani latihan luar negara<br>• Surat tawaran/ surat penerimaan tempat beserta penyelia yang bertanggungjawab untuk tempoh latihan<br><br>*Permohonan tidak lengkap akan dikembalikan* | Bahagian Kemajuan Kerjaya |
| Permohonan yang disokong dimajukan ke BKK Shah Alam<br>↓<br>JKI-PSM<br>↓ | • Permohonan akan dibawa untuk dibentangkan di Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya untuk kelulusan<br>• **Surat pemakluman keputusan** akan dikeluarkan | Bahagian Kemajuan Kerjaya |
| Terima borang permohonan lengkap | Pemohon bertanggungjawab untuk:<br><br>a. **Menghantar surat melapor diri di tempat latihan**<br>b. Menghantar laporan berkala setiap 6 bulan<br>c. Menghantar Laporan Nilaian Prestasi Tahunan | Pemohon |

| | | |
|---|---|---|
| | *Untuk latihan professional, fakulti/ cawangan perlu membuat lawatan pemantauan setiap 6 bulan* | |
| Mula latihan sub kepakaran | Setelah tamat, pemohon bertanggungjawab untuk melapor diri dan menyertakan:<br><br>i. Borang lapor diri<br>ii. Borang tamat latihan | |
| Tamat latihan<br>↓<br>Terima laporan akhir | Dalam tempoh 30 hari setelah tamat, pemohon bertanggungjawab menyerahkan laporan akhir latihan industri/ professional dengan ulasan PTJ.<br><br>Untuk latihan professional, proses berakhir apabila penghantaran dokumen ke badan professional untuk mendapatkan pengiktirafan kepakaran. | |

**Disediakan oleh,**

Bahagian Pascasiswazah & Latihan Ikhtisas
Fakulti Perubatan
Universiti Teknologi MARA